**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## PENGUMUMAN BERKENAAN PERMOHONAN TUNTUTAN PERJALANAN (RAWATAN LUAR STESEN & SAKSI PIHAK KERAJAAN) PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN TANGGUNGAN YANG LAYAK

Dimaklumkan bahawa, **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024**, permohonan Tuntutan Perjalanan (Rawatan Luar Stesen & Saksi Pihak Kerajaan) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak perlu dikemukakan kepada pihak KWAP **sebelum 10 hari bulan dalam bulan yang berikutnya.**

Mohon rujuk lampiran yang diletakkan di ruangan makluman untuk senarai semak dokumen.

Nama dokumen: Senarai Semak Dokumen Tuntutan Perjalanan (Rawatan Luar Stesen & Saksi Pihak Kerajaan) serta Tuntutan Dialisis (Individu) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

==================================================================

## PENGUMUMAN BERKENAAN PERMOHONAN TUNTUTAN DIALISIS PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN TANGGUNGAN YANG LAYAK

Dimaklumkan bahawa, **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024**, permohonan Tuntutan Dialisis (Individu) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak perlu dikemukakan kepada pihak KWAP **dalam bulan yang berikutnya.**

Mohon rujuk lampiran yang diletakkan di ruangan makluman untuk senarai semak dokumen.

Nama dokumen: Senarai Semak Dokumen Tuntutan Perjalanan (Rawatan Luar Stesen & Saksi Pihak Kerajaan) serta Tuntutan Dialisis (Individu) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

==================================================================

**Bahagian Pencen**
**Jabatan Perkhidmatan Awam**
**23 Oktober 2023**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN TUNTUTAN PERJALANAN (RAWATAN LUAR STESEN & SAKSI PIHAK KERAJAAN) SERTA TUNTUTAN DIALISIS (INDIVIDU) PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN TANGGUNGAN YANG LAYAK**

| BIL. | TUNTUTAN PERJALANAN RAWATAN LUAR STESEN | TUNTUTAN PERJALANAN BAGI TUJUAN SAKSI PIHAK KERAJAAN (LAYAK UNTUK PESARA SAHAJA) | TUNTUTAN DIALISIS (INDIVIDU) |
|---|---|---|---|
| 1. | Punca Kuasa :<br>• Perintah Am Bab F 1974<br>• Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 (Awam), WP 1.5 (Polis) | Punca Kuasa :<br>• Kaedah-kaedah Tatacara Jenayah (Kadar Bayaran Kepada Saksi) 2011 | Punca Kuasa :<br>• Perintah Am Bab F 1974<br>• Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022) |
| 2. | Borang asal JPA.BP.UBAT.B04 (https://www.jpapencen.gov.my/borang/PDF/UBAT/JPA.BP.UBAT.B04-2023.pdf) | Borang asal JPA.BP.MAK.B01 (https://www.jpapencen.gov.my/borang/JPA.BP.MAK.01.pdf) | Borang Perubatan 1/09 yang lengkap di Bahagian I, II, III dan IV<br>• Bahagian IV - No. 16 perlu menyatakan RAWATAN DIALISIS dan UBAT/ SUNTIKAN serta disahkan oleh Pakar Perubatan Nefrologi Kerajaan.<br>(https://www.jpapencen.gov.my/borang/PDF/UBAT/Borang_Perubatan1_09_T.pdf) |
| 3. | Surat rujukan asal; atau salinan surat rujukan yang diakui sah | | |
| 4. | Dokumen yang membolehkan untuk pengesahan kehadiran di hospital yang dirujuk:<br>a. Slip kehadiran (*time slip*); atau<br>b. Salinan slip kehadiran (*time slip*) yang diakui sah; atau<br>c. Salinan kad temujanji (*appointment card*) yang diakui sah, lengkap dengan tarikh dan masa; | Dokumen yang membolehkan untuk pengesahan kehadiran di mahkamah yang dirujuk:<br>a. Sapina asal (saman kepada saksi)<br>b. Surat panggilan oleh Jabatan Peguam Negara - Perlu dipanjangkan ke Unit Dasar, Bahagian Pencen JPA untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) JPA | • Resit asal bayaran<br>• Bil terperinci (jika butiran rawatan tidak dinyatakan di resit) |
| 5. | Penyata bayaran tol perlu memaparkan nama pesara atau pesakit sahaja | Penyata bayaran tol perlu memaparkan nama pesara atau pesakit sahaja | Surat hospital (jika ada) |
| 6. | Resit asal bayaran hotel | Resit asal bayaran hotel (untuk jarak melebihi 50km) | Salinan Kad Pengenalan Pesara/ Penerima Pencen Terbitan |
| 7. | Resit asal caj letak kereta | Resit asal caj letak kereta | Salinan Kad Pesara / Penerima Pencen Terbitan |